

Harga ketum RM180 sekilogram

Oleh NAZLINA NADZARI

utusannews@mediamulia.com

PADANG BESAR: Berikutan pintu sempadan negara ditutup akibat pandemik Covid-19 sejak Mac lalu, selain kawalan ketat di kawasan sempadan di sini menyebabkan harga daun ketum dikatakan mencecah sehingga RM180 sekilogram di Thailand.

Harga tersebut dikatakan meningkat hampir satu kali ganda sekali gus menjadi pendorong kepada berterusannya aktiviti penyeludupan tersebut meskipun kawalan keselamatan diperketatkan.

Difahamkan, harga daun ketum di Thailand sebelum ini sekitar RM80 hingga RM100 manakala bagi pasaran tempatan pula antara sekitar RM20 hingga RM50.

Berikutan itu, penyeludup mencuba pelbagai helah termasuk taktik baharu dengan menyembunyikan daun ketum di dalam kotak teh dalam kenderaan pikap untuk dibawa bersama-sama dengan barangan runcit lain bagi tujuan penyeludupan ke negara jiran.

Komander Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) negeri, Deputy Superintenden Rodzi Abu Hassan berkata,



ANGGOTA Aksem Padang Besar menunjukkan daun ketum seberat 75 kilogram yang dirampas berhampiran Padang Besar, Perlis semalam. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

bagaimanapun helah tersebut berjaya dihidu Aksem Padang Besar yang mematahkan cubaan menyeludup 75 kilogram daun ketum ke negara jiran berhampiran Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar di sini kira-kira pukul 11.30 pagi semalam.

Katanya, rampasan dengan nilai kira-kira RM2,000 itu turut

melibatkan tangkapan ke atas dua lelaki warga Thailand berusia 28 hingga 47 tahun selain rampasan kereta jenis Toyota Hilux

“Hasil siasatan mendapati suspek menerima upah sebanyak RM200 bagi setiap kali perjalanan untuk menyeludup ketum. Jumlah keseluruhan rampasan termasuk kenderaan adalah lebih RM85,000.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 dan barang rampasan diserahkan kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu pejabat Polis Daerah Padang Besar untuk tindakan lanjut,” katanya kepada pemberita di sini.

Tambahnya, rampasan tersebut hasil daripada risikan yang dilakukan pihaknya sejak seminggu lalu.